

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN SYED SADDIQ BIN SYED
ABDUL RAHMAN [MUAR]**

TARIKH : 4 NOVEMBER 2020 (RABU)

SOALAN

TUAN SYED SADDIQ BIN SYED ABDUL RAHMAN [MUAR] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan rancangan bagi memastikan internet jalur lebar di negeri Sabah, Sarawak dan kawasan -kawasan di luar bandar besar seperti di Muar dapat dipertingkatkan bagi menjamin kemudahan pendidikan dan perniagaan, sekali gus dapat merancakkan pelaburan di sesebuah tempat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) sentiasa memberi tumpuan kepada penambahbaikan infrastruktur komunikasi melalui penyediaan liputan jalur lebar berkelajuan tinggi dengan menggunakan pelbagai teknologi. Ini adalah untuk membolehkan rakyat terutamanya di negeri Sabah dan Sarawak agar dapat menikmati akses kepada perkhidmatan jalur lebar berkelajuan tinggi yang lebih menyeluruh.

2. Susulan daripada pengumuman oleh YAB Perdana Menteri pada 29 Ogos 2020 lalu mengenai pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA), sebanyak 190,115 premis di negeri Sabah akan disediakan akses

SOALAN NO : 14

kepada perkhidmatan berkelajuan Gigabit melalui peluasan rangkaian gentian optik. Bagi perkhidmatan jalur lebar mudah alih pula, sejumlah 425 menara baharu akan dibina, manakala sebanyak 2,202 alat pemancar komunikasi sedia ada akan dinaik taraf kepada teknologi 4G.

3. Manakala, di negeri Sarawak pula, sebanyak 58,371 premis akan disediakan akses kepada perkhidmatan berkelajuan Gigabit. Untuk perkhidmatan jalur lebar mudah alih pula, sejumlah 692 menara baharu akan dibina, manakala sebanyak 2,041 alat pemancar komunikasi sedia ada akan dinaik taraf kepada teknologi 4G.

4. Bagi Parlimen Muar pula, sebanyak dua (2) menara baharu akan dibina di bawah inisiatif pelan JENDELA. Selain itu, sebanyak 2,834 pelanggan di kawasan Muar akan dinaiktaraf dari perkhidmatan rangkaian berasaskan tembaga kepada rangkaian gentian optik dan dijangka siap secara berperingkat menjelang akhir tahun 2021. Jumlah ini dijangka akan diselaraskan dari semasa ke semasa disebabkan oleh faktor peralihan langganan pelanggan.

5. Walau bagaimanapun, segala inisiatif pembangunan infrastruktur digital ini memerlukan kerjasama dari semua pihak, terutamanya di peringkat Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk pemudahcaraan proses dan kelulusan bagi projek-projek yang telah dirancang dan yang akan dilaksanakan.